



# NEWSLETTER

Disediakan oleh:

**NOOR MASAYU MOHD KHALILI**  
Ketua Penolong Pengarah, BMP

## KAEDAH PENSAMPELAN ISI RUMAH DAN PERTUBUHAN YANG DILAKSANAKAN OLEH DOSM

### PROSES REKABENTUK PENSAMPELAN

**01**  
Tentukan  
populasi  
sasaran

**02**  
Tentukan  
rangka  
pensampelan

**03**  
Pilih teknik  
pensampelan



**04**  
Tentukan  
saiz sampel

**05**  
Laksanakan  
proses  
pensampelan


Senarai semua ahli populasi mengikut spesifikasi survei/kajian yang digunakan sebagai asas untuk pensampelan

Bagi memastikan sampel yang terpilih dapat memenuhi objektif survei/kajian

Dibentuk supaya elemen yang tidak ingin diliputi tidak terpilih sebagai sampel dalam survei/kajian



RP membantu **mengenal pasti** semua ahli dalam populasi supaya setiap ahli mendapat **peluang yang sama** untuk terpilih sebagai sampel



Sumber: Bahagian Metodologi dan Penyelidikan, DOSM.



BP ialah suatu kawasan muka bumi yang **diwujudkan secara rekaan dan mempunyai sempadan tertentu.**

Secara purata, satu BP mengandungi **80 hingga 120 TK** dengan anggaran penduduk seramai 500 hingga 600 orang.

Setiap BP mengandungi maklumat **senarai TK**; TK institusi (TKI); Bukan TK; Pertubuhan perniagaan (PP)

Dikemaskini secara berterusan berdasarkan banci/survei yang dijalankan serta semakan di lapangan

Merupakan satu **senarai pertubuhan aktif** yang mengandungi maklumat terperinci pertubuhan tersebut.

Maklumat meliputi nama pertubuhan; industri (Kod MSIC); alamat pertubuhan; status operasi; nilai hasil, jualan, output, bilangan pekerja

Setiap pertubuhan **dikelaskan mengikut aktiviti utama** berdasarkan MSIC 2008 Ver.1.0

Dikemaskini secara berterusan berdasarkan maklumat banci, survei dan sumber pentadbiran seperti SSM, KWSP dan lain-lain.

## RP@DOSM

RP bagi survei sosial adalah **senarai blok penghitungan (BP) & tempat kediaman (TK)**



RP bagi survei ekonomi adalah **senarai pertubuhan**



\*Malaysian Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver.1.0

## FAKTOR PENENTUAN SAIZ SAMPEL

- Saiz sampel dianggarkan mengikut peringkat analisis contohnya peringkat negeri/daerah atau MSIC 1/2/3/4/5 digit.
- Semakin terperinci peringkat analisis semakin besar saiz sampel.

- Kadar respon diambilkira dalam pengiraan saiz sampel bagi memastikan survei dapat mencapai optimum saiz sampel.
- Kadar respon yang digunakan adalah 85.0% atau berdasarkan kadar respon daripada survei sebelumnya.

- Pelarasan yang dibuat kerana kaedah pensampelan yang digunakan (cnth: *stratified/cluster random sampling*) yang menghasilkan saiz sampel yang lebih besar berbanding *simple random sampling*). DEFF memberitahu magnitud peningkatan saiz sampel.
- Nilai DEFF daripada survei sebelumnya akan digunakan dalam penganggaran saiz sampel.

Peringkat analisis

Varians

Kadar respon

Margin of error (MOE)

Kesan rekabentuk (design effect, DEFF)

Aras keyakinan

- Semakin tinggi varians, semakin besar saiz sampel.
- Varians daripada survei sebelumnya digunakan dalam penganggaran saiz sampel.

- Mengukur ketepatan anggaran pada tahap tertentu keyakinan (berapa % keputusan survei akan berbeza daripada nilai sebenar populasi).
- Saiz sampel dianggarkan berdasarkan beberapa nilai MOE, kebiasaannya antara 5.0% hingga 10.0%.


- Memberitahu kebarangkalian bahawa nilai parameter berada dalam julat nilai tertentu.
- Nilai aras keyakinan yang digunakan dalam penganggaran saiz sampel kebiasaannya adalah 95.0%.

2




**Contoh:**  
**Strata:** Negeri dan MSIC 5 digit;  
**Substrata:** Saiz pertubuhan (besar/serdahana/kecil/mikro)


Sampel pertubuhan dipilih secara rawak mengikut negeri, MSIC 5 digit dan saiz pertubuhan berdasarkan saiz sampel yang ditetapkan.




## REKABENTUK PENSAMPELAN SURVEI EKONOMI



## REKABENTUK PENSAMPELAN SURVEI SOSIAL



**Contoh:**  
 Strata Pertama: Negeri  
 Strata Ke-2: Daerah Pentadbiran  
 Strata Ke-3: Bandar/Luar Bandar  
 \*Sampel BP dipilih secara rawak mengikut negeri, daerah pentadbiran serta bandar & luar bandar berdasarkan saiz sampel yang ditetapkan.



**PENAFIAN:** Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.